



KOLOKIUUM SISWAZAH KITA SEM 1, SESI 2020/2021 (Doktor Falsafah) - Laporan Kemajuan

Idea Bangsa dan Sistem Pendidikan di Malaysia: Satu Analisis Sosial

Pembentang: Anuar Bin Ahmad (P94515)

TARIKH: 15 Oktober 2020 (Khamis)

MASA: 10.00 pg - 12.00 tghari

MICROSOFT TEAMS: <http://shorturl.at/cuK89>

Sumber Imej: lil_foot_

**Buku Atur Cara & Abstrak
*Programme & Abstracts Booklet***

Semester 1, Sesi 2020/2021

15 Oktober 2020 (Khamis)
10 pagi – 12.00 tghari

Microsoft Teams
<http://shorturl.at/cuK89>



Institut Kajian Etnik (KITA)
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi
Selangor Darul Ehsan

Nama: ANUAR BIN AHMAD
No. Pelajar: P94515
Program: Doktor Falsafah (P. Etnik)
Penyelia: Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin
Tahap Pembentangan: Laporan kemajuan

Idea Bangsa dan Sistem Pendidikan di Malaysia: Satu Analisis Sosial

Naratif sistem pendidikan vernakular di Malaysia dalam konteks kepelbagaian idea tentang bentuk pendidikan dan konsep bangsa yang dihasratkan oleh kumpulan etnik majoriti Melayu dan etnik minoriti bukan Melayu (baca: Cina) telah lama wujud. Setiap kumpulan etnik ini sentiasa melihat kepentingan berkaitan pendidikan dan perpaduan nasional hanya dari perspektif etnik masing-masing. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan; mengenal pasti peranan etnisiti sebagai realiti sosial dan pengaruhnya terhadap pembentukan polisi pendidikan yang berkaitan dengan sistem pendidikan vernakular semenjak era kolonial; menganalisis bagaimana etnik Melayu dan etnik Cina menzahirkan hasrat pendidikan yang menyebabkan wujud pelbagai idea 'bangsa idaman' dalam situasi 'authority-defined' dan 'everyday-defined'; menilai sejauh mana kewujudan pelbagai idea 'bangsa idaman' di kalangan etnik Melayu dan etnik Cina dalam pengekal sistem pendidikan vernakular. Kerangka analisis 'functionalist' oleh Talcott Parsons digunakan untuk menjelaskan fungsi pendidikan vernakular untuk pengekal sistem sosial masyarakat majmuk di negara ini. Kerangka ini bertujuan menjelaskan bahawa sekolah vernakular berfungsi sebagai alat penyesuaian, pengubahsuaian dan kesinambungan secara integrasi dalam merealisasikan kesepaduan sosial. Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan analisis dokumen rasmi Laporan Barnes 1950, Laporan Fenn Wu 1952, Ordinan Pelajaran 1952, Laporan Pelajaran Razak 1956 dan Laporan Pelajaran Rahman Talib 1960 dalam memahami proses pembentukan sistem pendidikan berdasarkan konteks 'authority-defined'. Pengkaji juga telah melaksanakan 'focus group discussion' berasaskan tema yang sama seperti analisis dokumen bagi menjelaskan situasi 'everyday-defined' berkaitan sistem pendidikan vernakular. Kajian ini mendapati polisi pendidikan telah membentuk kepelbagaian idea bangsa idaman dalam

kalangan etnik Melayu dan etnik Cina. Kajian ini seterusnya mendapati pengekal sistem pendidikan vernakular telah dipengaruhi oleh kumpulan elit politik Melayu yang bertujuan mengekalkan sokongan politik kumpulan minoriti kepada mereka, manakala pengaruh etnik Cina khususnya di kalangan pemimpin parti politik Cina dan pemimpin persatuan pendidikan masyarakat Cina untuk mengekalkan bahasa ibunda sebagai simbol identiti dan budaya etnik Cina. Akhirnya, kajian ini mendapati bahawa kewujudan sistem pendidikan vernakular telah berfungsi sebagai 'tools of integration' dalam menguruskan kewujudan kepelbagaian idea bangsa idaman. Sebagai rumusan, bagi memastikan kesinambungan struktur sosial di negara ini, adalah perlu untuk kepelbagaian idea 'bangsa idaman' dibenarkan wujud dan berintegrasi secara aktif antara satu sama lain. Semua pemegang taruh pendidikan negara mempunyai peranan penting dalam memperkukuhkan sistem pendidikan vernakular sebagai tapak integrasi dengan mengambil kira keupayaan sekolah vernakular dalam memantapkan struktur sosial berasaskan kepelbagaian idea bangsa idaman melalui usaha kesepaduan integrasi etnik dalam situasi 'authority-defined' dan 'everyday-defined' di Malaysia.

Sekalung Penghargaan / Acknowledgements

Pengulas / Reviewer:

- Dr. Adil Johan (KITA)

Urusetia / Committee:

Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin • Prof. Madya
Dr. Kartini Aboo Talib @ Khalid • Dr. Shazlin Amir Hamzah
• Dr. Pue Giok Hun • Cik Najatulmuna • Pn. Suhana Bahtiar •
En. Muhamad Shamri Rahmat • En. Mohd Norakmar Mohd
Nordin • Cik Hezreen • Mary Ellen Gidah

Warga KITA / KITA Family